

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 MEI 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 17
SURAT

Pertanian negara kritikal, generasi muda kurang minat

BH Jumaat, 30 Mei 2025 **Nasional**

Pertanian negara kritikal, generasi muda kurang minat

Hampir separuh kawasan tanaman diusahakan individu berusia lebih 60 tahun

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sektor pertanian negara tidak berdaya maju kerana terlalu bergantung kepada petani warga emas, manakala hampir semua kawasan tanaman diusahakan secara individu.

Bancian Pertanian 2024 mendapati hampir separuh daripada petani berusia 60 tahun, iaitu peratus tertinggi dalam kumpulan umur pengusaha.

Selain itu, 97.9 peratus daripada 1,030,020 pegangan pertanian di seluruh negara diusahakan secara individu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata hanya 21,191 kawasan pertanian dikendalikan oleh pertubuhan, berbanding 1,008,829 pegangan yang diusahakan secara individu.

"Dapatan itu menunjukkan profil semasa sektor pertanian yang amat bergantung kepada golongan berusia."

"Seramai 458,263 individu atau 45.4 peratus daripada keseluruhan pengusaha pertanian berumur 60 tahun dan ke atas," katanya ketika berucap pada Majlis Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 di sini semalam.

Hadi, Setiausaha Kerajaan Perangka

LAPORAN INTERIM BANCY PERTANIAN 2024
Dirasmikan Oleh:
YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI
Timbalan Perdana Menteri

29 Mei 2025 (Khamis)

Fadillah (tengah) menunjukkan laporan interim pada Majlis Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024, di MAEPS, Serdang, semalam. Turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup (dua dari kiri) dan Mohd Uzir Mahidin (kanan).

(Foto BERNAMA)

wan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Bancian berkata Setiap 10 tahun
Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, Banci Pertanian akan dilaksanakan secara berkala setiap 10 tahun bagi memastikan data asas sektor pertanian sentiasa relevan dengan keperluan semasa dan cabaran masa depan.

Beliau berkata, langkah itu sebahagian daripada usaha transformasi agrikultur negara dengan menjadikan statistik pertanian sebagai asas utama dalam penggubalan dasar dan perancangan pembangunan sektor berkenaan.

"Mulai 2026, tinjauan pertanian jangka pendek akan dilaksanakan secara berkala bagi meningkatkan ketersediaan data dan menyokong pemantauan berterusan terhadap sektor ini."

"Statistik kini bukan lagi sekadar angka tetapi alat strategik yang mendorong pembangunan dan penilaian impak dasar," katanya.

Sementara itu Mohd Uzir berkata, dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan terdapat potensi dalam penanaman tanaman baharu seperti kenaf, napier dan rumpai laut.

Beliau berkata, dapatan itu juga menunjukkan kenaf mencatatkan keluasan tanaman sebanyak 1,497.0 hektar dengan pengeluaran 9,916.1 tan, manakala napier direkodkan berkeluasan 1,387.7 hektar dan pengeluaran 35,687 tan.

"Industri-industri ini mempunyai potensi besar dari segi nilai tambah, eksport dan pengeluaran produk hiliran, dengan rantaian bekalan perlu diperkukuh bagi memacu pertumbuhan segmen ini," katanya.